



فرتوبوهن كبڤڤساڤن ملايو برساتو

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU ATAU UMNO
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)**

No, Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN MENDAFTAR SEBAGAI AHLI

UMNO mengalu-alukan permohonan Tuan / Puan / Saudara / Saudari untuk menjadi ahli UMNO

PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN MENDAFTAR SEBAGAI AHLI BIASA

(Sila gunakan pena mata bola [ball pen])

Pemohon hendaklah warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu atau Bumiputra yang berusia 18 tahun ke atas.

Pemohon dikehendaki mengisi dengan lengkap butir-butir yang diperiukan di dalam perenggan A, B, C dan D.

Setiap permohonan hendaklah disokong oleh seorang pencadang dan ahli biasa, ahli wanita, ahli pemuda atau ahli puteri daripada Cawangan di mana pemohon ingin menjadi ahli. (sila rujuk perenggan E).

Setiap permohonan mesti disertakan dengan salinan kad pengenalan atau Dokumen Pengenalan Sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Setiap Permohonan mesti disertakan dengan wang tunai sebanyak RM2.00 sebagai yuran seumur hidup.

Borang permohonan yang dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Cawangan di mana Cawangan pemohon ingin menjadi ahli.

Bagi permohonan yang ditandatangani oleh Ketua-ketua Pergerakan, pencadang diruangan E hendaklah terdiri daripada ahli dalam Cawangan dan ahli Pergerakan yang ingin dimasukinya.

Setelah Ketua Cawangan, Ketua Wanita, Ketua Pemuda dan Ketua Puteri menandatangani penerimaannya serta menurunkan cop dalam perenggan F, pemohon hendaklah mengambil balik salinan keempat (salinan pemohon) untuk disimpan sebagai rujukan.

Pemohon akan dimakumkan oleh Jawatankuasa Cawangan dalam masa satu bulan dan tarikh penyerahan permohonannya samada permohonan itu diterima atau ditolak

Jika pemohon tidak didaftar sebagai ahli dalam masa satu bulan, pemohon bolehlah melaporkan hal itu kepada Jawatankuasa Bahagian.

Jika pemohon tidak juga didaftar sebagai ahli satu bulan selepas melaporkan kepada Jawatankuasa Bahagian, Pemohon bolehlah melapor kepada MAJLIS TERTINGGI dengan mengemukakan bersama salinan keempat (salinan pemohon) atau menghubungi ditalian Tel: 03-4042 9511 samb 211, 358, 321, 329 Faks : 03-4041 1626.

MAJLIS TERTINGGI berhak membuat apa-apa keputusan atas mana-mana permohonan pendaftaran keahilan atau taraf sesuatu pendaftaran itu dan keputusan itu adalah muktamad.

BERSATU BERSETIA BERKHIDMAT